



GHAZALI BUANG / BERTI HARIAN

JAWAPAN TELUS : Abdullah menjawab pertanyaan wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat tahunan Dewan Tertinggi BN di Menara Datuk Onn semalam. Turut hadir dari kanan Samy Vellu, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak, Datuk Abang Johari Abang Openg. Pada mesyuarat itu, Dewan Tertinggi BN menyuarakan sokongan padu kepada kepemimpinan Abdullah.

'Usah pertikai kewibawaan PAC'

BH-17/6/2006

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua pihak supaya tidak mempertikaikan kewibawaan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) atau mana-mana institusi Parlimen.

Sehubungan itu, Perdana Menteri juga mahu semua pihak supaya menghentikan sebarang tuduhan atau andaian negatif terhadap PAC kerana jawatankuasa berkenaan hanya menjalankan tugas serta tanggungjawabnya.

Berikutan itu, beliau mahu Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu memberi penjelasan kepada PAC berhubung isu pampasan kepada Gerbang Perdana Selatan Bersepadu Sdn Bhd (GPSB) seperti yang diminta jawatankuasa terbabit.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kontroversi antara Samy Vellu dan Pengerusi PAC, Datuk Shahrir Samad, selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Kontroversi terdetus apabila akhbar melaporkan PAC pada mesyuaratnya 12 Jun lalu meminta Kementerian Kerja Raya mengkaji semula jumlah pampasan yang akan diberi kepada GPSB berikutan pembatalan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

Abdullah bagaimanapun berkata, Samy Vellu sudah memberi jaminan akan membalas surat yang dihantar PAC untuk menjelaskan kepada jawatankuasa itu jika tidak menghadiri mesyuarat PAC pada 22 Jun ini.

Beliau juga menjelaskan, dalam surat yang dihantar PAC kepada Samy Vellu itu, Shahrir meminta menteri berkenaan hadir untuk menjelaskan kepada PAC mengenai pandangan berkaitan pampasan itu.

"Bagaimanapun, jika Samy Vellu tidak dapat hadir, penjelasan bertulis harus diberi kepada PAC.

"Saya tanya Datuk Seri Samy apa yang akan beliau lakukan mengenai perkara itu dan beliau mengatakan surat akan dihantar mengikut apa yang dinyatakan dalam surat yang dihantar (oleh Shahrir)," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu ketika diekori pemberita selepas sidang akhbar berkenaan meninggikan suaranya dan meminta wartawan supaya tidak berbuat demikian.

"Janganlah ini macam. Orang kata

tidak nak bagi pandangan dia tanya juga pandangan," katanya sambil bergegas meninggalkan bilik persidangan.

Sementara itu, Shahrir ketika dihubungi semalam berkata, mesyuarat PAC pada Khamis depan bukan bertujuan menggeledah akaun Kementerian Kerjaraya atau mencari kesilapan menteri dan pegawainya, sebaliknya membincangkan perbelanjaan wang negara.

Mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz keengganan Samy Vellu boleh menyebabkan beliau dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Ahli Parlimen, Shahrir berkata, setakat ini ia belum sampai ke tahap berkenaan.